

10/12/1998

BSKL ditutup tinggi

BURSA Saham Kuala Lumpur (BSKL) membuat pantulan pada sesi tengah hari hingga ditutup 2.2 peratus lebih tinggi semalam lantaran peningkatan belian daripada pelabur institusi berikutan antara lain jangkaan mesyuarat Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dengan pengurus dana Jumaat ini.

Indeks Komposit BSKL ditutup meningkat 2.2 peratus atau 11.33 mata kepada 522.18 mata, selepas mencapai tahap terendah semalam pada 502.38 mata.

Pelabur menjangka pertemuan dengan pengurus dana akan meningkatkan penyertaan asing dalam BSKL dengan spekulasi meluas kini pertemuan itu akan membawa dana baru asing ke pasaran tempatan.

Semalam 607 saham naik, 157 rugi, 71 kekal dan 98 tidak didagangkan.

(END)